



Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Putrajaya

Agresif menjual pelbagai beg jenama terkenal tiruan gred A melalui transaksi dalam talian ketika kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PK-PP).

Itu antara modus operandi sindiket 'hantu' yang dikesan aktif memasarkan barangan cetak rompak kepada pengguna dengan mendakwa barangan tiruan itu adalah produk tulen.

Timbalan Pengarah penguat Kuasa (operasi) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Putrajaya, Low Swee Hon berkata, kegiatan haram itu dibongkar susulan serbuan di sebuah rumah di Cheras, semalam.

Menurutnya, operasi itu dijalankan hasil maklumat wakil pemilik cap dagang berdaftar berkaitan penjualan barangan tiruan melalui transaksi dalam talian.

"Empat pegawai KPDNHEP Putrajaya menyerbu sebuah rumah di Cheras di sini, sebelum menemui 1,020 beg tangan dan 55 pouch beg jenama Longchamp yang dipalsukan.

"Semua barangan diram-

PEGAWAI KPDNHEP Putrajaya memeriksa beg jenama tiruan dirampas susulan serbuan di sebuah rumah di Cheras.

JUAL GRED A CIPLAK

Sindiket jual beg 'berjenama' di online tumpas

pas dianggarkan bernilai lebih RM31,000. Risikan mendapati penjual menawarkan penjualan barang tiruan itu di platform jualan dalam talian pada harga lebih rendah berbanding harga sebenar.

"Rumah diserbu itu dijadikan sebagai tempat untuk menyimpan stok barangan tiruan," katanya.

Menurutnya, kes disiasat

mengikut Seksyen 102 (1) (c) Akta Cap Dagangan 2019 iaitu mempunyai dalam minda untuk menjual atau menawarkan barang-barang yang suatu cap dagangan berdaftar dipakaikan dengan salah yang boleh membawa hukuman denda tidak melebihi RM15,000 bagi setiap barangan dirampas.

"Saya menasihati peniaga

supaya lebih bertanggungjawab dan mengormati harta intelek orang lain. Orang ramai disarankan menyalurkan maklumat kepada Kementerian dengan melaporkan melalui hotline 1-800-886-800 atau 03-88826088 di Enforcement Command Centre (ECC) atau hadir ke mana-mana pejabat KPDNHEP berhampiran," katanya.